

Perspektif

Pejabat Pendaftar UMT



VOLUME 12
DISEMBER 2024



SSPA

SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

"Sistem saraan yang berteraskan kepada aspek prestasi
dan selaras dengan hasrat untuk meningkatkan
produktiviti dalam perkhidmatan awam"

eISSN 2785-9037



Sidang Editorial



Ts. Wan Abdul Manan bin
Wan Abdullah
Penasihat



Zahirah binti A Razak
Ketua Editor



Shahrul Jama bin Othman
Editor



Norlaile binti Hamid
Editor



Norhafizah binti Mohd Suib
Editor



Aisamuddin bin A. Jalil
Editor



Tengku Nuriah binti Tengku
Abdul Rahman
Editor



Wan Noor Emilia binti Wan
Kamal Saifudin
Urusetia

Kandungan

- 3** Kalam Pendaftar
- 4** Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) - Era Baru Perkhidmatan Awam Malaysia
- 9** 333 Staf UMT Terima Pengiktirafan Universiti
- 11** Perhimpunan Warga Semarak Semangat Kebersamaan; Sejajar Slogan "Kebersamaan UMT"
- 16** Program Citra UMT - Program Transformasi Minda: Pengukuhan Pasukan dan Penerokaan Alam Semula Jadi di Pulau Bidong, Chagar Hutang dan Pulau Redang
- 19** Kunjungan Hormat Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) ke UMT
- 21** ScoWoS - Meningkatkan Inovasi, Menyemarakkan Perubahan
- 23** MEDIX6 UMT Menang Perak bagi Konvensyen KIK Tahun 2024
- 25** Pertandingan e-Poster dan Video Pendek Anjuran MAKESUM
- 26** Program Peningkatan Profesional Berterusan (CPD) 2024
- 28** Program Sayangi Diri: Fikir Sebelum Bertindak Raikan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Tahun 2024
- 30** Penganjuran Kursus Kardiopulmonari Resusitasi (CPR)
- 33** Program Pengukuhan Berpasukan (Team Building) Pusat Kesihatan UMT
- 35** Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Psikologi dan Kaunseling Universiti Awam (JKPPsiKUA) Bilangan 03/2024 (Kali Ke-13)
- 36** Persidangan Psikologi dan Kaunseling IPT Kebangsaan Tahun 2024
- 39** Program Jelajah SEDEKAD Pusat Rehabilitasi PERKESO
- 40** Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)
- 41** Impacts Colour and Mental Health
- 42** Siri Minda Sihat 5/2024 - Bungkalan Yang Betul
- 43** Pelekat Kenderaan UMT
- 45** Anugerah Staf Terbaik Bulanan Pejabat Pendaftar
- 46** Pelantikan Warga Baharu UMT (Julai -Oktober 2024)
- 47** Pesara (Julai 2024 hingga Oktober 2024)
- 48** Belasungkawa Tahun 2024

KALAM PENDAFTAR



Bulan Disember ini merupakan satu titik permulaan bagi penjawat awam. Permulaan bagi sistem saraan baharu iaitu Sistem Saraan Penjawat Awam. Sistem saraan penjawat awam yang baharu merupakan usaha signifikan kerajaan untuk meningkatkan efisiensi dan produktiviti disamping meningkatkan kesejahteraan penjawat awam.

Dengan penekanan terhadap ganjaran berdasarkan prestasi dan penstrukturan semula gaji serta elaun, sistem ini bertujuan memastikan ganjaran yang diterima lebih adil dan setimpal dengan tanggungjawab yang dilaksanakan. Secara keseluruhan, langkah ini adalah permulaan yang baik, namun pelaksanaannya memerlukan pendekatan yang telus dan adil, khususnya dalam menilai prestasi kerja.

Penilaian prestasi yang sebenar amat penting dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi. Proses penilaian prestasi berfungsi sebagai kaedah utama untuk menilai pencapaian staf berdasarkan kriteria yang adil dan objektif. Penilaian yang telus dapat memberikan gambaran jelas tentang kekuatan dan kelemahan staf, sekali gus membantu mereka memperbaiki prestasi dan merancang pembangunan kerjaya mereka dengan lebih teratur.

Selain itu, penilaian prestasi yang sebenar akan meningkatkan motivasi staf bukan sahaja staf yang dinilai malah staf lain di PTj tersebut. Apabila staf dinilai secara adil atas sumbangan mereka, mereka akan lebih bersemangat untuk memberikan hasil kerja yang berkualiti tinggi. Proses ini juga dapat membantu mengenal pasti keperluan latihan atau pembangunan kemahiran, yang seterusnya memperkasa keupayaan staf untuk menghadapi cabaran kerja.

Di samping itu, penilaian prestasi yang berintegriti menyokong pengurusan yang lebih efektif. Keputusan berkaitan kenaikan pangkat, ganjaran, atau tindakan penambahbaikan boleh dibuat dengan berdasarkan data yang kukuh dan akan mengurangkan risiko ketidakadilan. Ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan staf terhadap sistem organisasi, tetapi juga memastikan setiap individu menyumbang secara optimum kepada kejayaan keseluruhan organisasi.

Secara keseluruhannya, penilaian prestasi yang sebenar dan adil adalah asas kepada pembinaan budaya kerja yang lebih produktif, telus, dan mampan sebagaimana hasrat SSPA.

"Penilaian Cerminan Prestasi"

Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) - Era Baru Perkhidmatan Awam Malaysia

Oleh: Sayed Mohd Tamimuddin bin Sayed Ibrahim

1 Disember 2024 menjadi titik peralihan di mana Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) yang digunapakai sejak dua dekad yang lalu. SSPA yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024 dijangka memberikan nafas baharu kepada perkhidmatan awam, termasuk warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang terdiri daripada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional (akademik dan bukan akademik) serta Kumpulan pelaksana. Langkah ini mencerminkan usaha kerajaan untuk meningkatkan daya saing, efisiensi, dan kebajikan penjawat awam secara menyeluruh.

Kelebihan Utama SSPA berbanding SSM diantaranya ialah peningkatan gaji pokok apabila penjawat awam diberikan pelarasan gaji secara berfasa seperti berikut:



PELARASAN GAJI SECARA BERFASA

	Fasa 1 Disember 2024	Fasa 2 Januari 2026
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	4%	3%
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	8%	7%
Kumpulan Pelaksana	8%	7%



Kerajaan telah memperkenalkan struktur gaji baharu dengan peningkatan gaji pokok sehingga 15% berbanding SSM bertujuan untuk memastikan gaji penjawat awam lebih kompetitif dengan sektor swasta, sekali gus menarik lebih ramai bakat untuk menyertai perkhidmatan awam pada masa akan datang.

Selain peningkatan gaji, SSPA menekankan pendekatan berasaskan prestasi, di mana penjawat awam yang menunjukkan prestasi cemerlang akan diberi ganjaran yang setimpal, manakala mereka yang gagal mencapai standard yang ditetapkan mungkin dikenakan tindakan. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menyesuaikan ganjaran dengan sumbangan individu kepada perkhidmatan awam, serta menjaga kesejahteraan penjawat awam.

Tidak seperti SSM, SSPA memperkenalkan sistem penilaian yang lebih menyeluruh, berasaskan pencapaian individu dan organisasi. Penekanan diberikan kepada aspek produktiviti, inovasi, dan keberhasilan, menjadikannya lebih holistik. Dalam masa yang sama, struktur kenaikan pangkat turut diperbaharui dengan pendekatan yang lebih fleksibel. Kini, penjawat awam boleh dinaikkan pangkat berdasarkan merit, tanpa terlalu bergantung pada kekosongan jawatan. Ini akan memberi motivasi tambahan kepada mereka untuk menunjukkan prestasi yang cemerlang. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa Inisiatif Baharu bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan Bayaran Insentif Prestasi (BIPs) bagi Kumpulan Pelaksana.

INISIATIF BAHARU BAGI KEMAJUAN KERJAYA (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)

- Kenaikan pangkat secara *one-off*.

- Kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan dengan kriteria kecemerlangan.

- Perluasan jawatan gred fleksi.

- Kemajuan kerjaya secara laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*).

BAYARAN INSENTIF PRESTASI (BIPs) (Kumpulan Pelaksana)

- 
- Mengambil kira tempoh perkhidmatan

- 
- Mengambil kira kualiti kerja

- 
- Mengambil kira sumbangan kepada organisasi

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan mutu perkhidmatan, kerajaan turut memperkenalkan beberapa penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam di Malaysia. Susulan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun 2022, kelayakan minimum untuk memasuki perkhidmatan awam kini ditetapkan pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Langkah ini memastikan calon yang diterima memiliki asas pendidikan yang mencukupi. Sesuai dengan penetapan kelayakan masuk minimum di bawah SSPA ini juga Gaji Permulaan Terendah (GPT) ditambahbaik kepada RM1,500.00 sebulan bagi pegawai Gred 1.



STRATEGI DALAM MENINGKATKAN FLEKSIBILITI DAN KEBERKESANAN TENAGA KERJA

01

Penugasan Berbilang
(Multitasking)




02

Kemahiran Berbilang
(Multi-skilling)

03

Penggunaan Sumber
Manusia yang optimum



Penugasan berbilang bertujuan meningkatkan fleksibiliti dan kecekapan kakitangan dalam mengendalikan pelbagai tugas. Kemahiran berbilang pula memberi peluang kepada pegawai untuk menguasai pelbagai kemahiran, membantu mereka menghadapi cabaran kerja yang semakin kompleks. Selain itu, tenaga kerja perkhidmatan awam akan diurus secara optimum bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber manusia.

Satu lagi aspek penting SSPA ialah sokongan kebajikan yang lebih komprehensif dengan memperluaskan skop perlindungan kebajikan termasuk perlindungan insurans, cuti bergaji khas untuk penjawat awam yang menghadapi situasi kecemasan, dan manfaat persaraan yang lebih baik.

SSPA juga memberi penekanan kepada pengurusan prestasi dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Antara perubahan utama ialah penambahbaikan Dasar Pemisah (Exit Policy), di mana tempoh pelaksanaannya dipendekkan daripada tiga tahun kepada satu tahun enam bulan. Langkah ini mempercepatkan tindakan terhadap pegawai yang berprestasi rendah.

Kriteria kelayakan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) juga diperketat, dengan markah minimum dinaikkan kepada 75%, yang juga menjadi penanda aras untuk menentukan pegawai berprestasi rendah yang boleh dikenakan Dasar Pemisah. Selain itu, kategori tahap pencapaian cemerlang juga dinaikkan kepada 95%.

Markah prestasi tahunan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat turut dinaikkan daripada 80% kepada 85%. Ini memastikan hanya pegawai yang benar-benar cemerlang diberi peluang kenaikan pangkat, sekali gus meningkatkan kualiti kepimpinan dalam perkhidmatan awam.

SSPA turut memperkenalkan MyPERFORMANCE iaitu sistem penilaian prestasi tahunan yang berdasarkan kompetensi dan nilai. Sistem ini menilai prestasi secara adil, telus, dan relevan, memastikan hanya pegawai terbaik berpeluang untuk kenaikan pangkat. Penambahbaikan ini diharap dapat meningkatkan prestasi, integriti, dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Bagi pelaksanaan SSPA kali ini, tempoh opsyen berlangsung selama 40 hari, bermula dari 20 Oktober 2024 hingga 30 November 2024. Tempoh ini ditetapkan oleh kerajaan bagi memastikan semua pegawai mempunyai masa yang mencukupi untuk memahami implikasi opsyen tersebut sebelum membuat keputusan. Langkah ini bertujuan memastikan pelaksanaan sistem baharu berjalan lancar dan memenuhi keperluan semua pihak yang terlibat.

Sebagai institusi awam, pelaksanaan SSPA di UMT dijangka meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja dalam kalangan pegawai kumpulan pengurusan dan professional (akademik dan bukan akademik) dan juga kumpulan pelaksana. SSPA juga dilihat dapat membantu menarik dan mengekalkan bakat dalam bidang pengajaran dan penyelidikan seterusnya menyokong usaha UMT untuk menjadi institusi bertaraf dunia.

SSPA bukan sekadar perubahan sistem saraan sahaja, malah ia mencerminkan visi kerajaan untuk memperkukuh sektor perkhidmatan awam sebagai pemacu pembangunan negara. Dengan pelarasan gaji yang lebih kompetitif serta penambahbaikan kemudahan dan kebajikan, sistem ini dijangka memberi manfaat besar kepada penjawat awam, termasuk warga Universiti Malaysia Terengganu untuk jangka masa panjang.




333 Staf UMT Terima Pengiktirafan Universiti

Oleh: Sayed Mohd Tamimuddin bin Sayed Ibrahim

Majlis Anugerah Tahunan 2024 (MAT2024), yang telah menjadi acara tahunan sejak diperkenalkan, bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta jasa warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan. Penganjuran MAT tahun ini merupakan edisi ke-13, dengan tema "Perkhidmatan Cemerlang Teras UMT Terbilang". Pemantapan pembangunan bakat di UMT diyakini akan memacu kecemerlangan dalam pelbagai bidang, sekaligus meningkatkan reputasi dan keterlihatan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada tahun 2024, seramai 333 staf UMT dari pelbagai peringkat telah diberi pengiktirafan seperti berikut:





Perhimpunan Warga Semarak Semangat Kebersamaan; Sejajar Slogan “Kebersamaan UMT”

Oleh: Shahrul Jama bin Othman

Kemampuan dan keutuhan sesebuah organisasi sangat berkait rapat dengan hubungan harmoni dan semangat kebersamaan dalam kalangan warganya. Sokongan padu dan kerjasama berpasukan dalam menyelesaikan sesuatu tanggungjawab menjadi prinsip yang perlu dipegang oleh setiap staf.

Program perhimpunan warga UMT merupakan salah satu program berkala yang mampu menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga. Melalui program ini, seluruh warga UMT tanpa mengira pangkat atau pusat tanggungjawab akan berhimpun, menghayati perancangan dan hala tuju yang dikongsi oleh pihak pengurusan di samping mengeratkan jalinan ukhuwah sesama staf. Manakala perhimpunan yang diselang-seli dengan program Gerak Ceria pula mengajak warga UMT untuk sama-sama beriadah sebagai salah satu langkah memastikan kesihatan dan kecergasan staf sentiasa berada dalam tahap terbaik.

Perhimpunan Warga (Gerak Ceria) Kali Pertama 2024 – 11 Julai 2024



Persekitaran kerja yang kondusif menjadi kurang bermakna seandainya kesihatan dan kecergasan staf tidak berada pada tahap yang memuaskan. Sebagai staf yang berdaya saing, minda yang cerdas dan fizikal yang sihat perlu sentiasa dipupuk melalui pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada gaya hidup sihat.

Justeru, Program Perhimpunan Warga (Gerak Ceria) telah diadakan pada 11 Julai 2024 dengan kehadiran kira-kira 750 orang staf yang membanjiri Dataran Canselor UMT seawal pukul 7.00 pagi. Melalui ucapan ringkas yang disampaikan, Naib Canselor menitip pesanan tentang keseimbangan antara rutin kerja dan kepentingan menjaga kesihatan, disusuli perkongsian beberapa pencapaian serta perancangan UMT.

Kemuncaknya, warga UMT bersama-sama beriadah melalui acara senamrobik yang dikendalikan oleh En. Mazuki bin Ali dari Mahkamah Negeri Terengganu. Masa yang diperuntukkan selama 20 minit seolah-olah tidak terasa apabila staf yang hadir begitu bersemangat bersenam mengikut rentak muzik dan gerak pengendali. Rata-rata staf menzahirkan rasa berpuas hati dengan program seperti ini dan menyokong agar ia dianjurkan dengan lebih kerap.



Perhimpunan Warga Kali Ke-2 Tahun 2024: Aspirasi Naib Canselor – 14 Ogos 2024



Bersempena pelantikan Prof. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim sebagai Naib Canselor baharu UMT berkuat kuasa 1 Ogos 2024, Pejabat Pendaftar sekali lagi menggalas amanah menganjurkan program perhimpunan warga pada 14 Ogos 2024 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT. Program ini memberi peluang kepada warga UMT untuk bersama-sama mengikuti dan menghayati amanat dan aspirasi yang disampaikan oleh Naib Canselor agar semua pihak dapat bergerak sederap dan selangkah ke arah kecemerlangan.

Melalui ucapan aspirasinya, Naib Canselor terlebih dahulu menitipkan penghargaan kepada Naib Canselor-Naib Canselor UMT terdahulu yang telah banyak berjasa dalam memacu UMT ke puncak kecemerlangan. Beliau seterusnya menegaskan bahawa pelbagai inisiatif akan dilaksanakan sebagaimana perancangan yang termaktub dalam Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-3037.

Beberapa perancangan telah diperincikan dalam aspirasi ini seperti meningkatkan kualiti sumber daya insan secara menyeluruh, pemerkasaan kemahiran dan bakat pelajar, pemberdayaan komuniti melalui pemindahan ilmu, penghasilan produk dan inovasi, ke arah pendigitalan pengajaran dan pembelajaran, memperkasa penyelidikan melalui *functional research*, *transdisciplinary research* dan kerjasama penyelidikan antarabangsa, mempelopori inisiatif Ekonomi Biru di Malaysia, serta penawaran program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) serta penawaran program-program luar melalui penubuhan Pusat UMT Life.

Di akhir ucapan, Naib Canselor mengajak seluruh warga menanam semangat #KebersamaanUTM dalam melaksanakan setiap perkara demi membina masa depan yang gemilang untuk UMT. Program ini berjaya menghimpunkan seramai 1,105 orang staf dari pelbagai pusat tanggungjawab.



Perhimpunan Warga Kali Ke-3 Tahun 2024: Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 UMT - 18 September 2024



Semangat kebersamaan warga UMT sekali lagi terbukti apabila seramai 812 orang staf memenuhi Dewan Sultan Mizan, kali ini bagi menjayakan program perhimpunan warga yang merupakan acara kemuncak kepada sambutan bulan kebangsaan di UMT. Selain mendengar ucapan dan amanat yang disampaikan oleh Naib Canselor, program ini juga turut meraikan pemenang-pemenang pelbagai pertandingan yang telah diadakan sepanjang sambutan bulan kebangsaan di UMT.

Dalam ucapannya, Naib Canselor mengajak warga UMT untuk menghayati erti kemerdekaan, mengenang dan menghargai perjuangan generasi terdahulu dalam membina negara bangsa. Warga UMT sebagai penjawat awam diseru agar bersifat tabayyun dan tidak mudah terpengaruh dengan ideologi yang boleh meruntuhkan tembok perpaduan di samping memerdekakan diri dari belenggu pemikiran yang negatif. Justeru, warga UMT perlu mengukuhkan semangat kebersamaan, saling menyokong dan meraikan kepelbagaian pendapat, adat dan budaya khususnya dalam keluarga UMT.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada staf UMT yang memenangi pelbagai pertandingan yang telah diadakan seperti pertandingan Dikir Barat Merdeka, Penulisan Anekdot Merdeka, Vlog Jiwa Merdeka, Infografik Kemerdekaan, Kuiz Bulan Kebangsaan dan Pejabat Ceria Merdeka.

Kesimpulannya, sambutan baik yang diberikan oleh warga UMT dalam menjayakan siri program perhimpunan warga yang diadakan jelas menunjukkan semangat kebersamaan warga UMT sejajar dengan slogan "Kebersamaan UMT" yang telah diperkenalkan. Semoga berkat kebersamaan ini akan menjulang UMT ke persada kegemilangan.



Program Citra UMT - Program Transformasi Minda: Pengukuhan Pasukan dan Penerokaan Alam Semula Jadi di Pulau Bidong, Chagar Hutang dan Pulau Redang

Oleh: Suhaiti binti Mohd & Nor Farzana binti Mohd Shukri



Program Citra UMT – Program Transformasi Minda adalah program yang dianjurkan khas untuk staf lantikan tetap Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Program ini menekankan aspek pengukuhan pasukan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan komunikasi berkesan dalam kalangan staf baharu. Selain itu, program ini juga mendedahkan para peserta kepada kepentingan pemuliharaan alam sekitar serta memperkenalkan fasiliti penyelidikan yang dimiliki oleh UMT termasuk Stesen Penyelidikan Alami Pulau Bidong dan Santuari Penyus di Chagar Hutang.

Seramai 27 orang peserta Program Transformasi Minda telah menyertai program ini yang berlangsung pada 1 Ogos 2024 di tiga lokasi utama iaitu Pulau Bidong, Chagar Hutang dan Pulau Redang. Program ini selari dengan slogan UMT iaitu 'Terokaan Seluas Lautan Demi Kelestarian Sejahtera'.

Pengukuhan Pasukan (Team Building)

Program pengukuhan pasukan merupakan satu inisiatif penting bagi memastikan keberkesanan dan sinergi antara ahli-ahli pasukan. Ia bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara ahli pasukan, meningkatkan komunikasi, dan memupuk semangat kerjasama yang erat. Selain itu, ia mampu membangunkan kepercayaan antara ahli pasukan dan mengenali kekuatan dan kelemahan masing-masing serta melengkapi antara satu sama lain. Hasilnya pasukan dapat mengoptimumkan peranan sekaligus memupuk sikap saling bergantung dalam menyelesaikan cabaran.

Di samping itu, elemen penting dalam program pengukuhan pasukan adalah menggalakkan penyelesaian masalah secara kolektif di mana para peserta perlu berfikir secara kritis dan berkesan untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Dalam pada itu, program ini dapat memupuk kepimpinan kerana setiap peserta diberi peluang untuk memimpin dan mengurus pasukan mereka dalam situasi yang berbeza. Melalui pendekatan ini, mereka dapat memahami keperluan untuk menjadi pemimpin yang fleksibel dan berkesan dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Di Pulau Bidong, peserta melawat Stesen Penyelidikan Alami Pulau Bidong dan memberi pendedahan tentang penyelidikan biodiversiti serta projek pemuliharaan alam sekitar di pulau tersebut. Peserta turut diperkenalkan kepada sejarah Pulau Bidong sebagai bekas penempatan pelarian Vietnam yang kini menjadi tapak kajian arkeologi. Aktiviti ini meningkatkan kesedaran peserta tentang pemuliharaan biodiversiti serta memberi pemahaman mendalam mengenai warisan sejarah dan budaya pulau.





Seterusnya di Chagar Hutang, para peserta berpeluang terlibat secara langsung dalam aktiviti pemuliharaan penyu, yang merupakan salah satu inisiatif penting yang dijalankan oleh UMT. Mereka mengambil bahagian dalam pemantauan sarang penyu, di mana proses ini melibatkan pemeriksaan dan perlindungan sarang-sarang penyu daripada ancaman seperti pemangsa dan gangguan alam sekitar. Peserta juga diberi kesempatan untuk membantu dalam pelepasan anak penyu ke laut di mana ia satu langkah penting dalam memastikan kelangsungan hidup spesies ini yang semakin terancam.



Di Pulau Redang, peserta diberi peluang untuk meneroka keindahan ekosistem terumbu karang dan pelbagai jenis ikan melalui aktiviti penyelaman dan pemantauan yang menekankan pentingnya pemuliharaan ekosistem marin. Para peserta dilengkapi dengan peralatan selaman yang sesuai untuk memastikan keselamatan mereka semasa berada di dalam air. Melalui aktiviti yang interaktif ini, peserta dapat merasai betapa berharganya ekosistem terumbu karang dan kepentingannya dalam menjaga keseimbangan alam.

Pengukuhan Pasukan (Team Building)

Program Citra UMT berjaya mencapai kedua-dua objektif utamanya. Dari sudut pengukuhan pasukan, peserta melaporkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran komunikasi, hubungan kerja yang lebih erat, serta keupayaan untuk bekerjasama dengan lebih baik dalam kumpulan. Aktiviti kepimpinan yang dijalankan memberi peluang kepada peserta untuk mempraktikkan kemahiran memimpin dalam situasi nyata, yang mana ini telah memperkukuh keyakinan diri mereka. Selain itu, kesedaran peserta tentang tanggungjawab dalam menjaga alam sekitar juga meningkat, sesuai dengan visi UMT untuk kelestarian sejagat.

Program ini bukan sahaja membantu mempererat hubungan kerja dalam kalangan staf baharu tetapi juga membekalkan mereka dengan kemahiran penting seperti kerjasama, penyelesaian masalah, dan kepimpinan yang akan menyumbang kepada keberkesanan mereka di tempat kerja.

Kunjungan Hormat Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) ke UMT

Oleh: Norhafizah binti Mohd Suib



Tanggal 30 September 2024, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai usaha memperkukuhkan kerjasama atau jaringan antara AKEPT dan UMT dalam memantapkan pengurusan bakat kepimpinan Universiti.

Delegasi AKEPT yang diketuai oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat disambut oleh Naib Canselor UMT, Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim. Sesi kunjungan hormat dimulakan dengan pembentangan oleh pihak AKEPT mengenai inisiatif pembangunan bakat kepimpinan yang telah dilaksanakan oleh AKEPT dan penglibatan UMT dalam inisiatif tersebut. UMT juga turut membentangkan mengenai usaha/inisiatif yang telah dilaksanakan melalui Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) dalam agenda memperkasakan kelompok bakat kepimpinan UMT. Semasa pembentangan tersebut juga, Naib Canselor menyatakan kesediaan UMT untuk bekerjasama rapat dengan AKEPT dalam memperkasakan pembangunan bakat kepimpinan dalam kalangan pegawai akademik serta pegawai sokongan akademik.

Sesi kunjungan hormat kemudian diteruskan bagi sesi AKEPT bersama kelompok bakat kepimpinan muda UMT yang diadakan di Auditorium Sulaiman. Objektif sesi ini adalah bagi memberi pendedahan kepada kelompok bakat kepimpinan muda UMT mengenai fungsi dan peranan AKEPT sebagai sebuah akademi kepimpinan pendidikan tinggi yang menyediakan latihan/pemprofilan kompetensi kepimpinan serta berfungsi sebagai jambatan penghubung antara warga Universiti Awam dengan Kementerian dalam konteks Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (Competency Based Talent Management - CBTM).



Sesi ini yang turut juga dihadiri oleh Pegawai Kanan, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Program, Pengerusi Bidang, serta staf sokongan akademik Gred 48 ke atas, turut memberi ruang kepada hadirin untuk berinteraksi bersama pihak AKEPT bagi mendapatkan penjelasan atau maklumbalas terus dari pihak AKEPT berkaitan pelaksanaan pengurusan bakat kepimpinan Universiti.

Diharapkan kunjungan hormat ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengukuhkan jalinan kerjasama antara AKEPT dan UMT dalam memperkasakan pengurusan bakat kepimpinan berasaskan kompetensi agar dapat memartabatkan institusi pendidikan tinggi di peringkat serantau global.



ScoWoS - Meningkatkan Inovasi, Menyemarakkan Perubahan

Oleh: Noor Hazila binti Hashim

UMT telah berazamkan untuk mengupayakan kapasiti bakat pentadbir dan sokongan seiring dengan peranan sebagai penggerak kejayaan pentadbiran universiti. Objektif strategi ini diterjemahkan melalui petunjuk prestasi dalam Teras 1 Pemerkasaan Bakat - Pelan Strategik UMT 2023-2027 (PSUMT) yang menghuraikan bahawa UMT nekad untuk membangun bakat pentadbir dan sokongan cemerlang serta diiktiraf sebagai pakar rujuk (Subject Matter Experts – SME). Melalui hasrat ini, pentadbir dan sokongan telah berganding bahu untuk membantu universiti dalam pengurusan data penerbitan ahli akademik. Sinergi trio kepakaran pengurusan sumber manusia, penerbitan dan pembangunan sistem aplikasi daripada Pejabat Pendaftar, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah dan Pusat Ekosistem Digital ini telah menghasilkan satu inovasi baharu dalam menguruskan data penerbitan ahli akademik dengan lebih terancang, strategik dan dinamik.

ScoWoS adalah produk inovasi berliterasikan pembangunan sistem aplikasi yang menggunakan strategi integrasi penerbitan berindeks Scopus dan Web of Science (WoS) yang kemudiannya dipaparkan dalam sistem profiling staf iaitu Sistem eProfile UMT.



Secara umumnya, penerbitan ahli akademik di universiti awam (UA) diurus dan direkodkan dengan pelbagai kaedah. Ekosistem pengurusan penerbitan ahli akademik di UA adalah tidak sama dan bergantung kepada strategi yang diaturkan. Terdapat UA yang menggunakan kaedah manual iaitu meminta ahli akademik untuk memasukkan sendiri data penerbitan dalam sistem. Namun ada juga UA yang membeli langganan khas pangkalan data Scopus dan WoS yang membolehkan mereka menguruskan penerbitan dengan lebih sistematik.

Namun melalui ScoWoS, ahli akademik UMT hanya perlu menyemak data penerbitan yang telah diintegrasikan ke Sistem eProfile sepanjang tahun. Hal ini telah menjimatkan banyak masa dan tenaga ahli akademik. ScoWoS juga telah menjimatkan ruang storan data, tenaga sumber manusia dan kos pembelian sistem. Penjimatan ini secara tidak langsung telah meningkatkan produktiviti ahli akademik dan juga pentadbir.

Tahap kepuasan ahli akademik terhadap ScoWoS telah mencatatkan 93.3% daripada responden berpuas hati dengan dengan penerbitan Scopus/WoS yang diintegrasikan. Kekuatan dan kelebihan ScoWoS juga telah menjadi rujukan dan tanda aras daripada rakan UA lain seperti Universiti Malaysia Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Perkongsian mengenai projek inovasi ini secara tidak langsung telah menaikkan imej dan citra UMT di peringkat kebangsaan. Malah ia juga telah memberi impak dalam peningkatan kualiti pembuatan keputusan (pelantikan, penilaian prestasi, kenaikan pangkat, pengesahan jawatan, penganugerahan, permohonan dana penyelidikan dan lain-lain urusan pengurusan dan pembangunan sumber manusia). ScoWoS telah didaftarkan sebagai harta intelek (copy right) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Pendaftaran telah dibuat pada Mac 2024 melalui Pusat Inovasi & Pengkomersialan UMT (No. Rujukan LY2024C03432).

Oleh demikian, sebagai produk inovasi yang berpotensi, ScoWoS telah dipertandingkan dalam Karnival Inovasi@UMT pada tahun 2023 dan telah berjaya merangkul pingat Emas. Susulan daripada kejayaan tersebut, ScoWoS telah bergerak maju ke hadapan dengan menyertai Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-17 Tahun 2024 pada 7-8 Ogos 2024 yang lepas. Dengan nilai keberhasilan projek dan potensi pengembangan inovasi yang tinggi, ScoWoS telah menerima pingat Perak dan akhirnya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Harapan KIK 2024 (bagi kategori Inovasi Pengurusan).

Semoga dengan kejayaan ini, ScoWoS dapat memberi galakan kepada pentadbir dan sokongan yang lain untuk membangun dan meningkatkan inovasi demi menyemarakkan perubahan yang seterusnya akan menjadi penggerak kepada kecemerlangan pentadbiran universiti.



MEDIX6 UMT Menang Pingat Perak Konvensyen KIK Tahun 2024

Oleh: Dr. Aina Mardhiah binti Md Khairi




MEDIX6 merupakan kumpulan inovasi mewakili Pusat Kesihatan Universiti (PKU), UMT. Mula ditubuhkan pada 2016 dan telah berjaya meraih kemenangan di pelbagai pertandingan inovasi dan konvensyen inovasi pada setiap tahun di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

MEDIX6 telah mempertandingkan projek bertajuk e-smile: Sistem Pengurusan Maklumat Pelanggan Pergigian bagi pertandingan Konvensyen KIK Universiti Awam yang berlangsung pada 7-8 Ogos 2024 di bawah Kategori Penyampaian Perkhidmatan-Penambahbaikan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan merangkul penarafan pingat Perak. Secara keseluruhan sebanyak 28 kumpulan dari 16 universiti telah menyertai KIK. Keputusan pertandingan; 5 kumpulan mendapat Penarafan Emas, 10 kumpulan Penarafan Perak dan 13 kumpulan mendapat Penarafan Gangsa.



E-smile ialah sistem yang merangkumi pengurusan pelanggan pergigian secara holistik bermula daripada :



E-smile dibangunkan dengan kerjasama PKU dan Pusat Ekosistem Digital (PED), UMT. Sistem dibangunkan secara dalaman UMT dan menggunakan ekosistem sedia ada, dapat menjimatkan kos yang tinggi bagi pembangunan dan penyelenggaraan sistem bagi tahun berikutnya.

Sistem ini digunakan sepenuhnya oleh Bahagian Pergigian PKU dan ia bukan sahaja dapat memberikan penjimatan dan impak yang besar kepada staf dan jabatan, namun juga kepada pemegang taruh UMT lainnya. Sistem ini juga berpotensi untuk menjana sumber kewangan yang tinggi kepada UMT jika dipaten dan dikomersialkan kepada klinik pergigian kerajaan dan swasta.

Sebelum ini, MEDIX6 telah mempertandingkan sistem e-smile di Pertandingan Perekasayaan Semula Prosedur Kerja (REDI 2023) anjuran ICC, UMT pada 23 November 2023 dan berjaya merangkul Johan Keseluruhan dan Penarafan Emas.

MEDIX6 akan terus menyertai pertandingan inovasi atau KIK pada masa akan datang bagi menormalisasikan inovasi dan meningkatkan motivasi di kalangan staf PKU. Semoga MEDIX6 terus mengukir kejayaan cemerlang di masa akan datang.



Pertandingan e-Poster dan Video Pendek Anjuran MAKESUM


Oleh: Rosella Elina binti Abd Rashid

Pada akhir bulan April 2024, Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) telah menganjurkan Pertandingan e-Poster dan Video Pendek yang diadakan secara terbuka bagi penyertaan seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sebagai menyambut seruan pertandingan di bawah kategori Pusat Kesihatan Universiti (PKU), PKU Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menghantar wakil penyertaan bagi kedua-dua pertandingan.

Tema yang diberikan bagi kedua-dua pertandingan ini adalah "Kurangkan Gula Dalam Minuman dan Amalan Membaca Label di Makanan". Tempoh persediaan dan penghantaran bahan pertandingan adalah selama dua bulan iaitu daripada 1 Mei hingga 30 Jun 2024.

Hasilnya, PKU berjaya merangkul tempat ketiga bagi Pertandingan e-Poster peringkat PKU IPTA dan membawa pulang hadiah bernilai RM500.00 serta mendapat saguhati bagi Pertandingan Video Pendek dan membawa pulang hadiah bernilai RM500.00. Hasil kreativiti yang dihasilkan dapat dilayari di laman sosial Facebook MAKESUM atau Pusat Kesihatan Universiti UMT.

Semoga dengan kejayaan ini dapat menajamkan lagi kemahiran dan kreativiti peserta dan memberi semangat untuk warga bagi sama-sama mengharumkan nama UMT di peringkat universiti awam.



Program Peningkatan Profesional Berterusan (CPD) 2024

Oleh: Nur Afiqah binti Tengku Azelam

Continuing Professional Development (CPD) merupakan satu program pembelajaran berterusan secara sistematik yang menyumbang kepada pertambahan ilmu, kemahiran dan pengalaman. Perluasan skop perkhidmatan di Pusat Kesihatan UMT menuntut kemahiran yang lebih berkesan bagi bidang perubatan dan pergigian agar semua staf PKU bersedia menghadapi perubahan besar dalam landskap kesihatan yang tidak menentu dewasa ini. Malah, pelaksanaan program CPD ini dilihat mampu menyokong usaha PKU dalam penambahbaikan serta pemantapan sistem penyampaian dan perkhidmatan secara optimum di setiap unit supaya PKU sentiasa berada di hadapan dalam mengharungi persekitaran kesihatan yang sangat mencabar.

Program selama tiga hari dua malam di Tamu Hotel, Kuala Lumpur ini telah diisi dengan beberapa slot yang melibatkan beberapa pakar dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultan Al-Abdullah (UiTM Puncak Alam) dan Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa yang berfokus kepada beberapa tajuk seperti:

Food Poisoning vs AGE

Dental Management of
Medically Compromised
Patient

Eczema vs Fungal

Back Pain Management
and Shock

Primary & Secondary
Survey

Seramai 29 orang staf telah diberi pendedahan serta perkongsian pengalaman dan pengurusan kesihatan terkini daripada pakar perubatan yang menjadi jambatan dalam membantu peserta melengkapkan diri dengan pengetahuan semasa dalam bidang masing-masing. Ini penting kerana bidang perubatan sentiasa berkembang saban tahun dengan pelbagai kajian terbaru sejajar dengan kemajuan teknologi dasawarsa ini. Dengan pendedahan seperti ini sekaligus dapat mendokong hasrat PKU dalam memastikan warga UMT mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mampan dan berkualiti.

Dalam slot terakhir dengan tajuk **Shock, Primary & Secondary Survey**, Dr Ummul Khair telah berkongsi kepakaran dan pengalaman beliau sepanjang hampir sedekad berkhidmat di Unit Kecemasan Hospital Kuala Lumpur. Banyak input dan pengurusan kesihatan terbaru yang boleh diaplikasikan di PKU dalam membentuk semula cara pengurusan kes-kes kecemasan untuk memberi rawatan yang lebih efisien kepada warga.



Program Sayangi Diri: Fikir Sebelum Bertindak Raikan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Tahun 2024

Oleh: Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman

Baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengumumkan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Tahun 2024 diadakan pada 10 Oktober setiap tahun. Tema tahun ini adalah 'Utamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja' bagi memberi penekanan dalam aspek penjagaan kesihatan mental dalam kalangan warga kerja untuk mewujudkan suasana kerja yang sihat, kondusif dan ceria.

Justeru, bagi menyahut saranan KKM, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa (PKKM), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), telah menganjurkan 'Program Sayangi Diri: Fikir Sebelum Bertindak'. Program tersebut diadakan di Dewan Persidangan 2, Pusat Konvensyen UMT (UMTCC) dan melibatkan seramai hampir 120 orang warga pelajar dan staf. Antara penceramah jemputan daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah adalah Pakar Psikiatri, Dr Lim Xue Bin dengan topik "Sakit Mental Itu Normal?". Manakala, Dr Muhammad Abdul Rashid bin Ab Razak, Pegawai Perubatan menyampaikan topik "Adakah Saya Seorang Anxiety?". Kupasan topik yang menarik turut dikongsikan oleh panel ketiga, Dr Wan Hanie Rasyida Wan Hisham, Pegawai Perubatan Sarjana dengan tajuk "Bahaya Trend Self-Harm Bagi Remaja".

Menurut kajian, kesihatan mental boleh diatasi dengan pelbagai cara di antaranya adalah mengenal pasti kebolehan diri, mengatasi tekanan kehidupan selain melakukan kerja-kerja secara produktif serta memberi sumbangan kepada masyarakat.



JENIS KESIHATAN MENTAL YANG DIKENAL PASTI

- 1 *Major Depressive Disorder* (gejala kemurungan)
- 2 *Bipolar Disorder*
- 3 *Panic Disorder* (serangan panik)
- 4 *Post Traumatic Stress Disorder*
- 5 Skizofrenia

Dalam kajian Suicide Worldwide in 2019 yang dikeluarkan oleh Global Health Estimates, World Health Organisation, terdapat 703,000 kematian akibat bunuh diri pada tahun 2019. Rekod menunjukkan satu kejadian dalam 100 kematian adalah disebabkan oleh faktor bunuh diri di mana bersamaan purata satu kematian pada setiap 40 saat.

Justeru, program kesedaran seperti itu amatlah penting bagi mewujudkan kesedaran dan memberi pendedahan ilmu kepada masyarakat terutama golongan muda agar sentiasa mengekalkan kesihatan mental dan kecergasan fizikal. Pegangan agama yang kukuh, minda yang positif dan kehidupan yang ceria mampu mencegah golongan muda agar tidak terjebak dalam perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada faktor kesihatan mental dan penyakit mental.

Penganjuran Kursus Kardiopulmonari Resusitasi (CPR)

Oleh: Nik Muhamad Shahrul bin Aminuddin

Sejak kebelakangan ini, kita sering dikejutkan dengan berita mengenai kematian secara mengejut. Menurut statistik terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2023, penyakit jantung iskemik menjadi penyebab utama kematian di Malaysia pada tahun 2022 dengan merekodkan 20,322 kematian atau 16.1% daripada 126,268 kematian disahkan secara perubatan.

Justeru itu, adalah penting bagi kita untuk mengetahui secara asas bagaimana kaedah Kardiopulmonari Resusitasi (CPR) untuk membantu sekiranya seseorang ditimpa sakit yang menyebabkan beliau berada dalam keadaan tidak sedarkan diri.

CPR adalah prosedur kecemasan yang berpotensi menyelamatkan nyawa seseorang individu yang mengalami henti jantung atau pernafasan. CPR berfungsi untuk memastikan aliran oksigen yang mencukupi ke otak, memberikan masa kepada pasukan perubatan untuk menyediakan rawatan lanjut yang lebih khusus.

Prosedur ini amat penting untuk menstabilkan keadaan pesakit, sehingga mereka menerima bantuan perubatan yang diperlukan atau apabila usaha menyelamatkan nyawa tidak lagi dapat diteruskan.

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMT telah melaksanakan satu taklimat dan latihan berkenaan pengendalian kes kecemasan kepada felo, ahli jawatankuasa pelajar dalam dan luar kampus Kolej Kediaman. Latihan yang diberikan ini dapat membantu mereka dalam menambahkan lagi pengetahuan mereka mengenai **CPR**.



Bilakah seseorang itu memerlukan **CPR**? **CPR** diperlukan apabila seseorang tiba-tiba tidak sedarkan diri. Langkah pertama yang perlu diambil adalah dengan segera menepuk tubuh mangsa dan menyapa sambil bertanya kepada mangsa, "Cik, adakah anda OK?" Sekiranya tiada tindak balas (tiada pernafasan dan denyutan nadi) daripada mangsa, tindakan seterusnya yang perlu diambil adalah segera meminta bantuan dan menghubungi talian kecemasan **999**. Tanpa melengahkan masa, anda perlu terus memulakan **CPR** untuk mangsa. Ingatlah, ketika itu anda bertindak sebagai penyelamat yang mampu menyelamatkan nyawa seseorang.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MELAKUKAN CPR :

1

- Memastikan mangsa diletakkan di permukaan yang keras dan rata.

2

- Berada dalam posisi berlutut di sisi mangsa dan meletakkan kedua telapak tangan dengan satu tangan di atas tangan yang lain di tengah-tengah dada mangsa serta pastikan lengan lurus dan gunakan kekuatan berat badan untuk menekan.



3

- Tekanan dada (*chest compression*) perlu dilakukan dengan kuat dan berterusan, pada kadar 100 hingga 120 tekanan setiap minit.



4

- Teruskan menekan dada mangsa dengan konsisten sehingga bantuan sampai.

Ini membantu jantung mengepam darah dan memulihkan aliran darah ke otak dan organ penting yang lain. Dengan mengikuti langkah-langkah ini, ia dapat membantu menyelamatkan nyawa seseorang dalam situasi kecemasan.

Cara untuk melakukan **CPR** bagi orang awam sebenarnya tidaklah sukar. Menurut garis panduan **CPR** terkini daripada **American Heart Association (2010)**, bagi mereka yang tidak berpengalaman atau tidak mengetahui teknik **CPR**, anda hanya perlu fokus pada kaedah "**Hands-Only**" atau "**Tekanan Dada**". Anda mampu melakukannya walaupun tiada pengalaman sebelumnya. Yang perlu anda ingat adalah prinsip "**TEKAN KUAT DAN CEPAT**" pada bahagian tengah dada mangsa. Anda harus yakin dalam melakukannya, walaupun anda mungkin tidak sepenuhnya memahami tujuannya.

Bagi mereka yang mengetahui cara penggunaan alat *Automated External Defibrillators (AED)* boleh menggunakan alat tersebut untuk memberi renjatan kepada jantung pesakit bagi membantu memulihkan corak rentak jantung ke ritma normal.

Teknik ini sangat kritikal dalam memastikan aliran darah berterusan bagi individu yang mengalami serangan jantung dan jantungnya terhenti. Ingat, tindakan anda mungkin mampu menyelamatkan nyawa mangsa.

STEPS TO PERFORM HANDS-ONLY CPR



CHECK RESPONSIVENESS:

- Tap the person's shoulder and shout, "Are you OK?"
- Look for normal breathing. Call 911 if there is no response.



DO CHEST COMPRESSIONS:



- Place the heel of your hand on the center of the person's chest and the other hand on top of your first hand, lacing fingers together.
- Push hard and fast, compressing chest at least 100 times per minute.

STOP ONLY IF:

- The person starts breathing normally.
- A trained responder or emergency help takes over.
- You are too exhausted to continue.



USE AN AED:



- Turn on the AED and wipe chest dry.
- Push the "Analyze" button if necessary. If a shock is advised, push the "Shock" button.

CPR Select
www.mycprcertificationonline.com



Program Pengukuhan Berpasukan (Team Building) Pusat Kesihatan UMT

Oleh: Nur Afiqah binti Tengku Azelam



Pada 4-6 Julai 2024, seramai 35 orang staf Pusat Kesihatan UMT yang diketuai oleh Dr Arnie Binti A. Rahim, Pengarah Pusat Kesihatan UMT telah mengadakan program Pengukuhan Berpasukan (Team Building) di Hotel Thistle, Port Dickson bagi tujuan memperkasa budaya kerja berpasukan dalam merealisasikan aspirasi visi dan misi jabatan.

Antara objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk memperkukuh budaya kerja berpasukan. Dalam dunia pekerjaan yang dinamik dan serba pantas ini, budaya kerja berpasukan yang sihat dalam sesebuah organisasi adalah penting untuk mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, produktif dan kondusif. Kerja berpasukan juga menjadi aspek utama dalam membantu memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah organisasi di mana matlamat pasti akan dicapai bersama. Pepatah mengatakan "kalau nak lari laju, lari seorang diri dan kalau nak lari jauh, kerja dalam satu pasukan".

Oleh itu, Program Pengukuhan Berpasukan mampu menjadi jambatan bagi mempertingkatkan persefahaman, memahami peranan serta nilai kepimpinan dan kepentingan komunikasi berkesan. Malah program seperti ini menjadi platform untuk peserta berinteraksi dalam suasana yang lebih santai, tidak formal dan menjadikan komunikasi itu lebih terbuka. Ini memberi peluang dan melatih para peserta melontarkan idea dan buah fikiran mereka sekaligus menyumbang kepada ketelusan dalam organisasi.

Sepanjang tiga hari dua malam, pelbagai modul telah dilaksanakan oleh barisan fasilitator yang berfokuskan team building. Pelbagai aktiviti dilaksanakan untuk membantu para peserta mengaplikasikan kemahiran dalam kaedah pemikiran strategik dan penyelesaian masalah secara kreatif untuk mengatasi isu-isu serta konflik dalam pasukan dengan berkesan. Malah pendekatan program melalui "Games Based Learning" dilihat mampu mengoptimumkan keupayaan diri di mana peserta lebih proaktif, penglibatan peserta secara menyeluruh tanpa ada jurang generasi serta wujudnya budaya perlumbaan dan persaingan yang sihat tanpa membunuh nilai jati diri dalam setiap individu.



Slot terakhir pada hari ketiga kursus menjadi acara kemuncak kepada Program Pengukuhan Berpasukan PKU apabila para peserta dapat mencedok ilmu komunikasi bersama Tuan Rizal Rashid yang merupakan jurulatih komunikasi yang bertauliah dan seorang International Speaker. Banyak input yang dikongsikan oleh beliau, antaranya "Its not what we say, but how we say it more important." Yang mana ini jelas menunjukkan cara kita berkomunikasi memainkan peranan penting agar tidak berlaku salah faham, perselisihan faham dan sebagainya. Beliau juga sempat berkongsi format ucapan bagi memudahkan para peserta berucap dan membina potensi diri ketika berdepan dengan khalayak ramai.

Dengan penyusunan aktiviti program yang seimbang dilihat mampu memberi impak kepada para peserta dan sekaligus matlamat dan objektif program tercapai. Nyatanya platform seperti ini masih relevan dan komprehensif untuk meningkatkan momentum setiap peserta dan memperkukuhkan kecemerlangan dalam perkhidmatan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Psikologi dan Kaunseling Universiti Awam (JKPPSiKUA) Bilangan 03/2024 (Kali Ke-13)

Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A

KUCHING – Telah berlangsungnya Mesyuarat JKPPSiKUA Bilangan 03/2024 (Kali Ke-13) di Borneo Cultures Museum, Sarawak pada 26-27 Ogos 2024 dengan agenda utama membincangkan tentang penggunaan sistem ujian psikometrik yang bakal digunakan oleh setiap ahli di universiti masing-masing.

Selain itu, antara perkara yang turut dibincangkan ialah proses gerak kerja semasa bagi Persidangan Psikologi dan Kaunseling IPT Kebangsaan Tahun 2024 yang dijadualkan berlangsung di Universiti Putra Malaysia. Pengerusi JKPPSiKUA, Puan Fazelah binti Mohamad juga mencadangkan untuk diperkenalkan beberapa anugerah kepada pengamal kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka dalam proses mensejahterakan warga IPT masing-masing.

Usai bermesyuarat, ahli-ahli JKPPSiKUA dibawa melawat ke pameran Borneo Cultures Museum bagi menyaksikan keunikan budaya dan sejarah negeri Sarawak.



Persidangan Psikologi dan Kaunseling IPT Kebangsaan Tahun 2024


Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A

SERDANG – Telah berlangsungnya Persidangan Psikologi dan Kaunseling IPT Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia pada 25 hingga 26 September 2024. Persidangan yang dianjurkan bagi tahun kedua ini memberi fokus kepada temanya iaitu "Kesejahteraan Holistik Rentas Keseimbangan Hidup". Dihadiri hampir 300 peserta yang terdiri daripada pengamal psikologi dan kaunseling, persidangan ini menampilkan para panel penceramah terkemuka tanah air bagi berdiskusi mengenai rencah topik berkisar amalan kaunseling dan psikologi.

TOPIK-TOPIK YANG DIBENTANGKAN

1	Ucaptama	Kesejahteraan Holistik Rentas Keseimbangan Hidup Dibentangkan oleh: YBhg. Profesor Dr. Othman bin Dato' Haji Mohamed (Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia)
2	Slot 1	Gaslighting: Dera Jiwa Berkalang Derita Dibentangkan oleh: Encik Muhammad Hazrul bin Md Esa (Pegawai Psikologi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka)
3	Slot 2	Pen Merah, Pen Biru, You Marah, I Love You Dibentangkan oleh: Puan Hanieza Fadlina binti Yahya (Pegawai Psikologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM)
4	Slot 3	Buli: Peranan Kaunselor dan Pelan Rawatan Dibentangkan oleh: Professor Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh (Pensyarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris)
5	Slot 4	Pengurusan Kes Keengganan ke Sekolah: Satu Perkongsian Dibentangkan oleh: Encik Ek Zakuan Kalil (Pegawai Psikologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM)
6	Slot 5	Jambatan Puaka Racun Perhubungan (7 Deadly Habits) Dibentangkan oleh: Puan Sabasiah binti Husin (Pensyarah, Universiti Utara Malaysia)
7	Slot 6	Acceptance and Commitment Therapy Dibentangkan oleh: Miss Hui Ying (Kaunselor Persendirian)
8	Slot 7	Merawat Trauma Lampau Dibentangkan oleh: Profesor Madya Dr. Rozanizam bin Zakaria

Persidangan kali ini juga memberi pengiktirafan kepada kaunselor yang menabur budi kepada negara serta warga IPT dengan menganugerahkan anugerah-anugerah berikut:



Pendaftar-pendaftar Universiti Awam turut menerima pengiktirafan atas kecekalan dan sumbangan budi dan bakti kepada warga UA masing-masing melalui Anugerah Kepimpinan Sejahtera.

Selain itu, pertandingan poster inovasi juga menjadi menu menarik sepanjang persidangan ini berlangsung di samping pelancaran sistem e-Ucare dan pelancaran Direktori Profiling Kepakaran Pegawai Psikologi Universiti Awam. Siaran rakaman majlis perasmian dan penutup persidangan ini boleh ditonton melalui pautan <https://www.facebook.com/jkppsikuaofficial>



Program Jelajah SEDEKAD Pusat Rehabilitasi PERKESO

Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A



KUALA TERENGGANU — Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan Program Jelajah SEDEKAD Pusat Rehabilitasi PERKESO bertempat di Permata Ballroom, Permai Hotel Kuala Terengganu pada 13 Jun 2024. Program ini bertujuan memperkenalkan kemudahan dan perkhidmatan PERKESO melalui Pusat Rehabilitasi PERKESO yang disediakan bagi membantu Orang Berinsurans PERKESO dan golongan pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional sehingga akhirnya kembali ke alam pekerjaan dan masyarakat dengan keupayaan yang maksimum.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu (PRPKT) yang terletak di Permai Park Inn Kuala Terengganu menawarkan proses rawatan intensif yang memfokuskan pada Fisioterapi, Terapi Neuro-Robotik, Terapi Carakerja dan Pengurusan Hilang Upaya. Klien akan dibantu oleh Jurupulih Anggota melalui kaedah rawatan fisioterapi yang komprehensif untuk mencapai tahap mobilasi dan keupayaan berdikari yang maksimum. Gabungan kaedah Terapi Manual dan Rawatan Robotik yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan berteknologi tinggi merupakan suatu tarikan menarik dan komprehensif dalam membantu klien mendapatkan kepulihan dengan selesa.

Turut dikongsikan mengenai Skim Keselamatan Sosial PERKESO iaitu Skim Insurans Pekerjaan, Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri, Skim Bencana Pekerjaan & Skim Keilatan (Akta 4) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah.



Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A

PUTRAJAYA – Seramai kira-kira 10,000 pegawai awam termasuk AKRAB telah menghadiri Himpunan Aspirasi MADANI Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam ini yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. AKRAB merupakan suatu kumpulan terlatih dari aspek asas kemahiran kaunseling dan bertanggungjawab untuk "membentuk rakan yang membantu rakan" dalam memupuk semangat berpasukan, keharmonian dan saling menghormati.

Himpunan kali ini memberi fokus kepada tiga (3) prinsip dalam melunaskan tanggungjawab sebagai penjawat awam iaitu 'Memudahkan' (Facilitate) urusan pelanggan/pemegang taruh, 'Menyesuaikan' (Accommodate) cara kerja agar selari dengan agenda nasional dan 'Menyegerakan' (Accelerate) pelaksanaan keputusan kerajaan.

Ketiga-tiga prinsip ini bertepatan dengan tema himpunan iaitu "H.E.M.A.T: Menyantuni Hasrat, Membina Citra". H.E.M.A.T bererti: Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran.




Impacts Colour and Mental Health

Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A

KUALA TERENGGANU — Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Terengganu (LPPKN Terengganu) pada 28 Ogos 2024 telah menganjurkan Program Terapi Minda Secara Fizikal "Colour Your Life" dan menjemput Pegawai Psikologi Pejabat Pendaftar untuk turut berkongsi mengenai topik "Impacts Colour and Mental Health". Program yang dijalankan di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu ini disertai oleh kakitangan penjawat awam dari pelbagai agensi.

Antara intipati yang dikongsikan adalah seperti poster di bawah:



Siri Minda Sihat 5/2024 - Bungkalan Yang Betul

Oleh: Wan Nor Ahmad Syaifuddin bin Wan Norazmi K.B;P.A

Istilah 'bungkalan yang betul' merupakan peribahasa yang bererti 'keputusan yang betul'. Peribahasa ini digarap pada kali ini dalam program berkala Siri Minda Sihat 5/2024 yang disiarkan secara langsung pada 7 Oktober 2024 di laman Facebook Jabatan Sumber Manusia UMT.

Membuat keputusan yang betul bukan sahaja memberikan sesebuah organisasi itu mendapat hasil berkesan yang diinginkan, bahkan juga mampu memberikan individu-individu di dalamnya berasa selamat dan selesa. Di samping mampu menyelesaikan sesuatu isu, ia juga dapat membantu individu mencapai matlamat, mengurus masa dengan lebih efisien dan membuat refleksi sendiri.



Untuk menonton siaran rakaman, sila imbas kod QR di bawah.



Pelekat Kenderaan UMT

Oleh: Abd Wahab bin Mohd Hashim

Semua kenderaan warga UMT adalah diwajibkan memiliki pelekat kenderaan UMT bagi melancarkan urusan pergerakan keluar masuk kampus. Mana-mana kenderaan yang tiada pelekat kenderaan UMT atau pelekat kenderaan telah tamat tempoh adalah dilarang memasuki kampus kecuali dengan kebenaran pihak keselamatan yang bertugas di pintu masuk kampus.

JENIS PELEKAT KENDERAAN UMT

	KHAS	STAF	PELAJAR	TERHAD
JENIS PELEKAT	- Kenderaan Rasmi UMT - Pegawai Utama UMT - Pegawai Kanan	Warga Kerja UMT	Warga Pelajar UMT	- Warga Pekerja Kontraktor - Staf Badan Beruniform - Pihak e-hailing (kerap memasuki kampus)
WARNA	Kuning	Biru	Merah	Hijau
KADAR BAYARAN	Kenderaan pertama: - Percuma Kenderaan kedua dan seterusnya: - RM10 bagi kenderaan bermotor beroda empat - RM5.00 bagi kenderaan bermotor beroda dua	Kenderaan pertama: - Percuma Kenderaan kedua dan seterusnya: - RM10 bagi kenderaan bermotor beroda empat - RM5.00 bagi kenderaan bermotor beroda dua	Dihadkan memiliki hanya salah satu pelekat sahaja samada pelekat kenderaan bermotor beroda dua atau bermotor beroda empat Percuma	- RM10.00 bagi kenderaan bermotor beroda empat - RM5.00 bagi kenderaan bermotor beroda dua.
TEMPOH SAH	2 tahun	2 tahun	1 tahun	1 tahun
CONTOH PELEKAT				

Permohonan Mendapatkan Pelekat

Langkah pertama adalah setiap warga staf dan warga pelajar perlu mendaftarkan kenderaan milik mereka dalam sistem yang tersedia dalam sistem Mynemo>MyKeselamatan masing-masing. Setelah kelulusan pendaftaran kenderaan diperolehi barulah disusuli dengan permohonan pelekat kenderaan UMT. Setelah permohonan ini diluluskan oleh Bahagian Keselamatan UMT. Pemohon dikehendaki hadir secara fizikal ke Kaunter Trafik, Bahagian Keselamatan UMT bagi mendapatkan pelekat kenderaan ini. Bagi mendapatkan pelekat kenderaan terhad pula. Pemohon perlu hadir ke Bahagian Keselamatan UMT dan mengisi borang permohonan pelekat kenderaan. Setelah borang ini diproses dan diluluskan, barulah pelekat kenderaan dikeluarkan kepada pemohon.

Kesalahan Tiada Pelekat Kenderaan UMT atau Pelekat Telah Tamat Tempoh

Bagi mana-mana kenderaan yang tiada pelekat UMT atau pelekat tamat tempoh adalah telah melakukan satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan UMT 2008 (PLJ UMT 2008). Mereka boleh dikompaun maksimum RM50.00 bagi setiap satu kesalahan tersebut. Selain itu bagi kenderaan yang tiada pelekat dan dalam masa yang sama kenderaan tersebut juga tidak didaftarkan, kenderaan tersebut boleh juga dikunci tayarnya (clamp). Di antara kesalahanan yang sering dikaitkan dengan pelekat adalah seperti tiada pelekat kenderaan, pelekat tamat tempoh, pelekat kenderaan lama digunakan pada kenderaan baharu dan perbuatan memalsukan pelekat atau menggunakan pelekat palsu.

Anugerah Staf Terbaik Bulanan Pejabat Pendaftar April hingga Jun 2024

Oleh : Wan Noor Emilia binti Wan Kamal Saifudin

SEMOGA TERUS CEMERLANG DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN
BAGI MENGHARUMKAN NAMA UMT



Noor Hazlindawati binti Nawang
Penolong Pegawai Tadbir (N29)
Pejabat Pendaftar



Fazirawani binti Abdullah
Pembantu Tadbir (P/O) Kanan (N22)
Pejabat Pendaftar



Nur Maisarah binti Ali
Pembantu Tadbir (P/O) (N19)
Pejabat Pendaftar



Tengku Zawawi bin Tengku Ngah
Pengawal Keselamatan (KP11)
Pejabat Pendaftar



Alif Hairee Yusri bin Yusof
Pengawal Keselamatan (KP11)
Pejabat Pendaftar



Pelantikan Warga Baharu UMT Julai 2024 hingga Oktober 2024

Oleh : Asmak binti Harun

HEBAHAN PELANTIKAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 2024



OGOS

 AHMAD MUHAMIN BIN ISMAIL PENYARAH UNIVERSITI FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	 M. REZAUL KARIM CHOWDHURY PENYARAH UNIVERSITI (K) FAKULTI PENGAJIAN MARITIM	 DINA AZLEEMA BINTI MOHAMED NOR PENYARAH UNIVERSITI FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN	 SITI ADZIM BINTI GHAZALI PEGAWAI TADBIR RAI PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN	 MOHD HANIFF BIN ABDULLAH PEGAWAI EKSEKUTIF 3 (K) PUSAT INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN	 WAN MUHAMMAD KHAIRI BIN WAN ZAKRY PEGAWAI EKSEKUTIF 2 (K) PUSAT PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN MAHASISWA	 MOHD AMAR BIN ABDULLAH PEGAWAI EKSEKUTIF 3 (K) PUSAT EKONOMI BIRU
 NORIZAN BINTI ZAKARIA PEGAWAI EKSEKUTIF 3 (K) PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN	 HAJAR SHAZRIN BINTI ABD SALLEH PEGAWAI EKSEKUTIF 4 (K) PEJABAT BENDAHARI	 NURUL IZZAH BINTI SHAMSUDDIN PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PEJABAT BENDAHARI	 FARAH NUR ALEESHA BINTI MALIKIE PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN MAHASISWA	 NUR SYURADA BINTI MOHAMAD NASIR PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	 FATIN NURSAHIRA BINTI SHAMSOL KAMAL PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT UMT LIFE	

SEPTEMBER

 DR. NUR NOR AMALINA BINTI NINI MOHD YUSOFF PENYARAH UNIVERSITI DESI FAKULTI PERBAGAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	 NUR SHAHINA BINTI SHAFRUL PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN	 WAN NOOR EMELIA BINTI WAN KAMAL SARUDIN PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PEJABAT PENDAFTAR	 MUHAMMAD HAIQAL AZIZI BIN AZIZ PEMBANTU LAUT A19 PUSAT PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN LAPANGAN	 NASIRUDIN BIN AHMAD NAZRI PEMBANTU LAUT A19 PUSAT PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN LAPANGAN	 AINI NAJWA BINTI ASRI PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT EKONOMI BIRU	 MUHAMMAD ATUB BIN DADANG PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT UMT LIFE
 MUHAMMAD HANIFF HELMI BIN MOHD ZAHARI UDON PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT KEUSAHAJAWANAN DAN KEBOLSHIPASARAN GRADUAN	 NURHANA NATASHA BINTI MOHAMMAD RASBI PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	 SITI FARISYA ZAHIRA BINTI SHAMSOL KAMAL PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) PUSAT KAUNSELING DAN KESEJAHTERAAN MAHASISWA	 NUR QURRATU AINI BINTI ZULKIFLI PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	 AHMAD SULAIMAN AYUB BIN MAT ZAID PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (K) KOLEJ KEDAIAMAN		

Pesara **Julai 2024 hingga Oktober 2024**

Oleh : Siti Mariam binti Awang Hamat

**"TERIMA KASIH ATAS SEGALA JASA, KHIDMAT BAKTI DAN SUMBANGAN KEPADA
UNIVERSITI DAN NEGARA"**



Khatijah binti Omar
Pensyarah Universiti
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan
Pembangunan Sosial
Bersara pada 1 Jun 2024



Badruhisam bin Darus
Pegawai Kebudayaan
Pusat Kebudayaan dan Kesenian
Bersara pada 5 Mac 2024

Belasungkawa Tahun 2024

oleh: Siti Mariam binti Awang Hamat

Semoga roh mereka dicucuri rahmat Illahi dan ditempatkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ إِنَّا نَعْبُدُكَ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِينُ
اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ



Gemulah Rosli bin Alias
Pembantu Operasi
Pusat Pengurusan Siswazah
18 November 2024

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Perspektif 
Pejabat Pendaftaran UMT

**PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**